

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (52)

Tarikh: 5 September 2014

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN AKHBAR

MAKLUMBALAS BERHUBUNG KENYATAAN PROSES PENYEDIAAN CADANGAN PENGUBAHAN DRAF RTPJ 1 (PENGUBAHAN 2) DAN RTPJ 2 (PENGUBAHAN 1) OLEH ENCIK MAK KHUIN WENG, DI PORTAL MALAYMAIL ONLINE YANG BERTAJUK “NEW MBPJ PROVISION WILL GIVE FREE PASS TO KIDEX, DASH, CLAIMS GROUP” PADA 3hb SEPTEMBER 2014

MBPJ telah menjalankan proses penyediaan Draf Pengubahan RTPJ 1 dan RTPJ 2 mengikut Tatacara Penyediaan Rancangan Tempatan (Pengubahan) di bawah Seksyen 16, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang disediakan untuk memberi panduan pelaksanaan dan penyelarasan penyediaan Rancangan Tempatan (Pengubahan) oleh semua PBPT di Negeri Selangor yang diluluskan Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor pada 4hb Disember 2012. Tatacara ini menggariskan aspek-aspek perundangan, carta alir dan proses penyediaan Rancangan Tempatan (Pengubahan).

Draf Pengubahan RTPJ 1 dan RTPJ 2 telah mematuhi **Tatacara Penyediaan Rancangan Tempatan (Pengubahan)** di bawah Seksyen 16, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). MBPJ mengambil inisiatif dan usaha untuk meminda RTPJ 2 dengan mengadakan dua kali mesyuarat khas pada 1hb Februari 2013 dan 25hb Februari 2013 Bagi Menimbang Cadangan Pengubahan RTPJ 2 serta cadangan pengubahan RTPJ 1 di Mesyuarat Penuh Majlis pada 26 Jun 2013 menurut subseksyen 16(1).

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor pada 22hb Julai 2013 telah meluluskan Cadangan pengubahan RTPJ 1 dan RTPJ 2 dibawah Seksyen 16(3). Publisiti Awal di bawah Seksyen 12A Akta 172 bagi cadangan pengubahan RTPJ 1 dan RTPJ 2 telah diadakan pada 2 Disember 2013 hingga 30 Januari 2014. Laporan Addendum Draf RTPJ 1 dan RTPJ 2 telah disediakan untuk pemeriksaan awam. Mesyuarat Penuh Majlis pada 26hb Februari 2014 telah meluluskan Laporan Draf Pengubahan RTPJ 1 dan RTPJ 2.

Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor pada 5 Mei 2014 di bawah Seksyen 16(2) Akta 172 bersetuju melaksanakan Program Publisiti dan Penyertaan Awam di bawah Seksyen 13 Akta 172. MBPJ memberikan tempoh bantahan lebih 4 minggu iaitu dari 7hb Ogos 2014 hingga 5hb September 2014 dan tempoh ini dilanjutkan lagi selama 16 hari iaitu sehingga 22hb September 2014. Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam di bawah Seksyen 14 akan diadakan selepas tempoh publisiti tamat. Seterusnya Draf Pengubahan RTPJ 1 dan RTPJ 2 akan dibawa ke Jawatankuasa Perancang Negeri di bawah Seksyen 15 dan diwartakan selaras dengan Prosedur Penyediaan Rancangan Tempatan (Pengubahan) Di Bawah Subseksyen 16(2) Akta 172.

Kenyataan oleh Encik Mak Khuin Weng di dalam Portal Berita Malay Mail Online pada 3hb September 2014 yang menyatakan MBPJ tidak mematuhi 10 langkah penyediaan Rancangan Tempatan adalah merujuk kepada Manual Rancangan Tempatan Edisi 2009. Manual ini merupakan satu dokumen untuk menyediakan Rancangan Tempatan yang baru **bukannya** pengubahan kepada Rancangan Tempatan. Manual Rancangan Tempatan Edisi 2009 dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah menyediakan Manual Rancangan Tempatan (Rancangan Tempatan Penggantian dan Rancangan Tempatan Pengubahan) Edisi Jun 2013 dan diterimapakai oleh MBPJ pada 7hb Januari 2014 yang mana manual tersebut adalah sama dengan Tatacara Penyediaan Rancangan Tempatan (Pengubahan) yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

MBPJ menyeru orang awam yang mempunyai sebarang kemusykilan berkenaan Draf Cadangan Pengubahan RTPJ1 dan RTPJ2 bolehlah mendapat maklumat tepat dan sahih daripada Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, di talian 03-79563544 sambungan 262/411/364.

Sekian, terima kasih.

Datin Paduka Alinah Ahmad
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208, Faks : 03-79582695